

# **KEINDAHAN BAHASA DALAM TEROMBA LAMBANG PEMERKASAAN MASYARAKAT NEGERI BERADAT**

**ANI HAJI OMAR**

*Fakulti Bahasa dan Komunikasi  
Universiti Pendidikan Sultan Idris*

## **Abstrak**

Masyarakat Melayu terkenal dengan budi bahasa dan kehalusan tutur kata apabila berbicara. Pantun, ungkapan, perbilangan dan teromba sering diselitkan apabila mengungkapkan sesuatu maksud sama ada secara tersurat ataupun secara tersirat. Mohd Rosli Saludin (2005) menyatakan teromba ialah susunan undang-undang adat yang disampaikan dalam bentuk puisi. Adat yang dimaksudkan ialah Adat Minangkabau; sama ada Adat Temenggung atau Adat Perpatih yang mula digunakan di Minangkabau. Di Negeri Sembilan khususnya di daerah Rembau, Kuala Pilah, Tampin, Jelebu dan Seremban, masyarakatnya masih mengamalkan Adat Perpatih. Teromba itu dalam penggunaan yang sebenarnya diwariskan turun-temurun, misalnya dalam majlis perbincangan yang beradat, istiadat meminang, nikah kahwin dan lain-lain. Masyarakat Minangkabau sebelum kedatangan Islam telah mempunyai peraturan yang mengajar tentang pentingnya nilai kemanusiaan yang berbudi luhur, hormat-menghormati, cinta-mencintai, bantu-membantu, tolong-menolong dan mengamalkan semangat kerjasama yang erat. Masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih ini telah terbukti mempunyai satu sistem yang teratur dan terpimpin dalam mencapai kebaikan bersama. Kata-kata perbilangan dalam Adat Perpatih dapat memberikan peraturan yang lengkap untuk dijadikan panduan, bimbingan dan nasihat dalam menjalani kehidupan harian, tidak kira dari aspek politik, ekonomi mahu pun sosial. Manakala kertas kerja ini akan memperlihatkan keindahan bahasa dalam Teromba sebagai lambang pemerkasaan masyarakat dalam semua aspek kehidupan di negeri beradat iaitu di Negeri Sembilan.

Kata Kunci: Pemerksaan, Adat, Masyarakat, Kata Perbilangan, Keindahan

## PENGENALAN

Keunikan bahasa yang dituturkan menjadi identiti atau lambang si penutur. Ia juga mewakili bangsanya. Ungkapan bahasa jiwa bangsa memperlihatkan hubungan antara bahasa dan bangsa. Fenomena ini amat rapat hubungannya antara teromba dan masyarakat di Negeri Sembilan. Teromba bukan sahaja sebagai alat komunikasi malah merupakan salah satu elemen yang dapat menyumbang ke arah pemeriksaan dan pembangunan jati diri masyarakat di negeri tersebut. Terdapat pelbagai definisi yang diutarakan mengenai teromba. Ada sarjana yang mengatakan ia berupa sejenis prosa berirama dan kadang-kadang semacam pantun bercerita, ada juga yang berpendapat teromba ialah sejenis puisi bebas, terkandung di dalamnya undang-undang adat. Teromba juga dikenali sebagai perbilangan adat, tambo, terasul dan kata-kata adat yang telah diklasifikasikan sebagai khazanah puisi Melayu klasik. Mohd Rosli Saludin (2007:2) menyatakan teromba lahir daripada budaya masyarakat Melayu Minangkabau yang menetap di Negeri Sembilan serta berpegang kepada Adat Perpatih. Masyarakat Minangkabau cenderung menyatakan maksud secara tidak langsung. Dalam komunikasinya, digunakan teromba yang sama-sama dimengertikan maksudnya, baik oleh penutur, maupun oleh penerima. Mengikut keterangan Edwar Djamaris (1981:1), istilah tambo kadang-kadang disebut tarambo dan dari aspek makna membawa maksud babad, hikayat atau riwayat kuno. Seterusnya beliau menjelaskan bahawa istilah tambo atau babad digunakan sebagai judul cerita prosa lama yang biasa disebut sastera sejarah atau historiografi tradisional; penulisan sejarah menurut kepercayaan atau pandangan masyarakat setempat secara turun-temurun. Di dalamnya telah dirakamkan kebolehan, sikap dan keterampilan diri serta gagasan masyarakat pada sesuatu zaman. Ia juga mencerminkan budaya bangsa Melayu, cara hidup, alam kehidupan serta corak pemikiran bangsa Melayu yang harus direnungi dan gagasan yang dibawa itu tidak ternilai harganya.

Boleh dikatakan bahawa dalam teromba tercermin adat, nilai, aturan, hukum undang-undang dan pegangan keagamaan yang diamal oleh masyarakat berkenaan. Sebagai puisi bebas, teromba tidak ditentukan jumlah baris, rangkap, rima atau jumlah perkataan. Terdapat sisipan puisi tertentu seperti pantun, peribahasa dan sebagainya. Isi teromba memuatkan hal-hal yang berhubung dengan undang-undang, adat istiadat dan nilai-nilai yang diamalkan oleh masyarakat berkenaan. Sesebuah teromba selalunya membawa pemikiran tinggi yang bersifat kata-kata hikmat. Keindahan sesebuah teromba terletak pada kepelbagaian unsur bahasa yang dicernakan dengan nilai dan fikiran. Sehubungan itu teromba seharusnya mendapat perhatian yang sewajarnya

dalam konteks pemerksaan masyarakat Melayu. Menurut Za'ba (1962:171) teromba ialah segala peraturan dan petunjuk termasuk falsafah, perundangan, politik, ekonomi dan moral yang menyangkut aktiviti kehidupan orang adat. Termaktub di dalamnya kata-kata ringkas, jelas, tepat serta utuh maknanya yang dilafazkan seperti orang membilang. Mohd Taib Osman (1975:136) menyatakan teromba ialah pengucapan adat yang menerangkan perbilangan Adat Perpatih dan yang menerangkan perbilangan adat-adat yang dasar. Harun Mat Piah (1989:424) menyatakan teromba mengandungi konotasi adat yang digunakan sebagai panduan dan amalan terutama Adat Perpatih dan Adat Temenggung yang hingga kini masih digunakan di Minangkabau dan di beberapa daerah di Negeri Sembilan dan di Melaka. Ali Ahmad (1978:58) pula menekankan aspek puisinya. Beliau menjeniskannya sebagai gubahan puisi bebas yang indah dan sekali gus dapat memberikan pengalaman yang benar dan peraturan-peraturan hidup.

Keindahan bahasa dalam teromba mempunyai pelbagai peranan dan fungsinya. Mohd Rosli Saludin (2005:45) menyatakan teromba menyentuh tentang nilai dan pegangan yang diamalkan dalam semua aspek kehidupan masyarakat Melayu yang berfungsi sebagai garis panduan atau norma adat yang mesti diterima dan diamalkan oleh setiap anggota masyarakat. Tidak terhad dalam bidang perkahwinan sahaja. Seni berteromba mengandungi perlambangan yang tersirat dan tersurat yang dapat mencanai pemikiran berkaitan dengan kehidupan kemasyarakatan. Seni berteromba juga membuktikan bahawa masyarakat Melayu mempunyai susunan atau peraturan hidup yang tertib dan bertatasusila. Artikel ini selanjutnya akan membincarkan teromba atau kata-kata perbilangan adat dalam konteks pemerksaan masyarakat yang akan dikupas dari aspek 3K iaitu Keluhuran, Kebitaraan dan Kekreatifan. Keluhuran akan melihat kata-kata perbilangan adat dalam teromba yang mengaitkan hubungan manusia dengan Tuhan dan hubungan sesama manusia. Kebitaraan melihat kebijaksanaan atau unsur pemikiran dalam kata-kata perbilangan adat dalam teromba yang menjurus ke arah pemerksaan masyarakat dari pelbagai sudut kehidupan dan kekreatifan akan melihat keindahan atau gaya bahasa yang disusun penuh tertib dengan unsur bunyi dan bentuknya yang indah lagi memikat. Oleh itu, budaya juga dilihat mempunyai peranan dalam mempengaruhi perkembangan sesuatu bahasa. Maka hubungan antara bahasa dan budaya secara tidak langsung telah bersepada dalam erti kata membangunkan sesebuah tamadun manusia. Jelaslah bahasa merupakan firasat atau petunjuk bagi kebudayaan (Asmah Haji Omar, 1993:3). Menurut Sapir (1949:162) pula bahasa bukan sahaja menjadi petunjuk bagi sesuatu kebudayaan malah ianya juga adalah yang diwarisi oleh sesuatu kumpulan manusia kepada kumpulan manusia yang berikutnya.

## **KELUHURAN, KEBITARAAN DAN KEKREATIFAN KATA-KATA PERBILANGAN ADAT DALAM TEROMBA LAMBANG PEMERKASAAN MASYARAKAT ADAT PERPATIH**

Teromba selalunya disampaikan dalam majlis-majlis beradat. Pemimpin adat biasanya berperanan penting untuk berkomunikasi dan jika berpuisi sahaja adalah agak janggal. Mohd Rosli Saludin (2007:12) menyatakan dalam komunikasi bukan semua khalayak adat boleh memahami dan menangkap setiap mesej yang disampaikan dalam bentuk teromba. Maka sebab itulah timbulnya komunikasi secara perbilangan, terasul, pepatah, gurindam adat, kiasan dan juga bercerita (menerangkan) secara prosa. Ragaman penyampaian menjadikan teromba bertambah menarik, berkesan dan mudah difahami. Akhirnya setiap mesej boleh dijadikan panduan dan sempadan bagi kesejahteraan dan pemerkasaan masyarakat adat.

## **KELUHURAN TEROMBA "ADAT DAN HUKUM SYARAK" DALAM PEMERKASAAN MASYARAKAT ADAT PERPATIH**

Teromba yang bertajuk "Adat dan Hukum Syarak" jelas menampilkan unsur keluhuran iaitu kepatuhan dalam menuruti ciri-ciri keislaman bagi memperkasakan diri sebagai muslimin dan muslimat sejati dalam menjalani kehidupan selari dan berlandaskan dengan adat serta hukum syarak. Seperti yang telah sedia dimaklumi adat ialah peraturan yang telah diamalkan sejak turun-temurun dan perlu dipatuhi oleh khalayaknya. Syarak pula ialah ketentuan, rukun atau undang-undang yang perlu juga dipatuhi. Dengan itu syarak merupakan kata-kata atau perundangan yang ditetapkan oleh ahli masyarakat dalam bentuk adat. Contoh syarak ialah perundangan Islam menyuruh penganutnya memakai pakaian yang menutup aurat, syarak ini diprojeksikan dalam bentuk lakukan umpamanya dari segi berpakaian. Misalnya, golongan wanita memakai tudung atau mini telekung, berbaju kurung dengan kain yang labuh menutupi buku lali. Oleh kerana cara pakaian itu telah menjadi kebiasaan maka ia menjadi adat bagi khalayaknya.

Contoh:

*Adat dipakai, syarak dituruti*

*Syarak mengata, adat memakai*

Sesungguhnya, adat berpaksi kepada hukum atau ketentuan dan hukum berdasarkan kepada Al-Quran. Dengan itu, peraturan yang diamalkan oleh masyarakat berpaksi kepada perintah Allah SWT seperti yang terdapat dalam Al-Quran, contoh;

*Adat bersendi hukum*

*Hukum bersendi kitabullah*

Dalam masyarakat yang amat patuh mengamalkan adat, maka hukum tidak akan mengenai pada seseorang atau khalayaknya. Misalnya dalam masyarakat Melayu terdapat adat melamar, meminang, menikah dan berkahwin, perkara ini seperti yang dijelaskan dalam teromba berikut: "Di dalam nan luar kelarasan, adatlah jadi darah daging, syarak nan lazim keimanan, adat nan kawi nan membimbang". Adat Perpatih seperti yang telah dinyatakan terlebih dahulu adalah mengikut lunas-lunas agama Islam, oleh itu perkahwinan juga mengikut hukum dan syarak seperti yang dimaksudkan dalam teromba tersebut. Sehubungan dengan itu para anak gadis tidak dibenarkan bebas bergaul dengan lelaki. Gadis dan teruna tidak dibebaskan berdua-duaan di tempat-tempat sunyi atau di khalayak dan melakukan perbuatan sumbang. Disebabkan kukuhnya adat atau kepatuhan kepada amalan yang sedemikian maka mereka yang hendak melakukan perbuatan yang terkutuk akan berfikir seribu kali kerana mereka dilingkungi oleh adat dan ianya selari dengan hukum Tuhan. Ini bersesuaian dengan kata-kata '*kuat adat tak gaduh hukum*'. Sebagai contoh, sekiranya masyarakat mengambil tindakan ke atas remaja yang berdua-duaan dan melakukan perbuatan keji di hadapan khalayak, atau di tempat-tempat sunyi dengan menikahkan mereka maka masyarakat tidak akan mempertikaikan adat. Ini bermaksud dengan kata-kata '*kuat hukum tak gaduh adat*'. Sekiranya hukum tidak dilaksanakan maka adat akan menjadi porak-peranda. Contohnya sekiranya khalayak tidak menghukum remaja yang bergaul bebas maka berlakulah penerusan amalan yang menodai adat. Seterusnya berlakulah kejadian-kejadian sumbang yang mengakibatkan perbuatan pembuangan bayi dan seumpamanya. Perkara utama bagi hukum dan adat ialah muafakat. Jika khalayak bersama-sama mematuhi cara berpakaian yang menutup aurat sebagai contoh maka adat dan hukum akan terpelihara. Begitu juga jika semua remaja membataskan pergaulan antara gadis dan teruna maka adat peraturan dan agama akan terpelihara. Sebaliknya jika tiada muafakat dan kebersamaan gejala sosial akan terus berleluasa, maka dengan sendirinya adat dan peraturan agama dinodai oleh masyarakat tersebut. Umpamanya petikan berikut;

*Ibu hukum muafakat*

*Ibu adat muafakat*

Berdasarkan contoh-contoh yang telah diutarakan daripada kata-kata teromba "Adat dan hukum syarak" telah menunjukkan bukan sahaja susunan kata-katanya yang indah malah mempunyai mesej untuk memperkasakan masyarakat menerusi kepatuhan terhadap adat dan hukum yang telah ditetapkan dalam agama Islam. Masyarakat adat dalam usaha memperkasakan masyarakatnya mereka sentiasa diawasi oleh alim ulama yang memerhati dan menasihat akan perjalanan adat, '*mana yang bercanggah dibuang, dipakai mana yang elok*', kata-kata indah dalam teromba berikut jelas mengambarkannya.

*Alam terkembang menjadi guru  
Kok cerdik minta rundingan  
Kok alim minta doanya  
Fikiran tak sekali datang*

Adalah jelas di dalam pepatah petitih kata-kata adat dalam teromba tersebut mengandungi falsafah dan ketentuan yang mendalam di mana ia perlu dihayati oleh pengamal. Malah banyak lagi ungkapan yang berkehendakkan pengamalnya membuka pemikiran menjadi orang yang cerdik, pandai dan dalam masa yang sama berbudi luhur.

### **KEKREATIFAN DAN KEINDAHAN KATA-KATA PERBILANGAN ADAT DALAM TEROMBA LAMBANG KEBITARAAN**

Unsur kebitaraan juga terdapat dalam teromba. Kebitaraan bermaksud kepandaian dan kecerdikan, umpamanya seorang pemimpin dalam menjalankan tugasnya memimpin dan mengatur anak buahnya dengan bijak mengatur peranan setiap daripadanya mempunyai kebolehan yang tersendiri umpamanya;

*jika cerdik teman berunding  
jika bingung disuruh arah  
jika buta disuruh menghembus lesung  
jika patah di suruh menunggu jemuran  
yang pekak disuruh mencucuh meriam  
yang berani dibuat kepala lawan  
kalau kaya hendakkan emasnya  
kalau alim hendakkan doanya*

Unsur kekreatifan dan keindahan bahasa jelas tergambar dalam kata-kata perbilangan adat tersebut di samping mempunyai makna yang penuh tersirat dan tersurat. A. Samad Idris (1996:4) menyatakan, sebelum penjajah Inggeris menakluki Negeri Sembilan, pentadbiran negeri ini adalah menurut sistem adat perpatih yang dikenali dengan perbilangannya:

*Berjenjang naik*

*Bertangga turun*

Norhalim Haji Ibrahim: (2003:59) menyatakan maksud 'berjenjang naik' ialah dari rakyat kepada raja melalui salurannya yang tertentu dan 'bertangga turun' dari raja kepada rakyat juga mengikut saluran atau tangganya dari atas ke bawah. Dalam perbilangan jelas menunjukkan sistem demokrasi dalam pentadbiran negeri itu diamalkan dengan cukup baik dan lancar. Buapak, Dato'Lembaga, Penghulu adalah pemegang teraju pemerintahan menurut tugas dan tanggungjawab masing-masing yang telah ditentukan:

*Beruang-ruang bak durian*

*Berlopak bak sawah*

*Berumpuk seorang satu*

*Berpunya masing-masing*

Perbilangan ini jelas membuktikan tugas dan tanggungjawab seseorang ketua.

*Buapak yang beranak buah*

*Lembaga yang bersuku*

*Penghulu yang berluak*

*Raja yang beralam*

Dalam mempraktikkan sistem demokrasi ini perbilangannya mengungkapkan:

*Bulat anak buah menjadikan buapak*

*Bulat buapak menjadikan lembaga*

*Bulat lembaga menjadikan penghulu*

*Bulat penghulu menjadikan raja*

Perkataan ‘menjadikan’ di sini bererti ‘memilih’, bulat bererti berkerapatan iaitu ‘mesyuarat’ di antara mereka yang berhak seperti membuang undi dalam amalan pilihanraya sekarang, kerana keadaan waktu itu tidak menggunakan kertas undi tetapi dengan mengangkat tangan sahaja.

*Bulat boleh digolekkan*

*Pipih boleh dilayangkan*

Dari sinilah terbitnya perbilangan ‘berjenjang naik’ iaitu dari rakyat kepada raja, manakala ‘bertangga turun’ pula dari raja kepada rakyat seperti ungkapan perpatah berikut:

*Alam beraja*

*Luak berpenghulu*

*Suku berlembaga*

*Anak buah beribu buapak*

Raja memerintah alam, penghulu memerintah luak (daerah sekarang), lembaga memerintah suku (kawasan tertentu) dan buapak memerintah anak buah (orang ramai). Seperti ungkapan perpatah berikut:

*Raja bernobat dalam alamnya*

*Penghulu memerintah dalam luaknya*

*Lembaga berkuasa dalam sukunya*

*Buapak bercakap dalam anak buahnya*

Kalau sesuatu perintah yang hendak disampaikan kepada orang ramai, maka raja akan bertitah kepada penghulunya, penghulu pula akan menyampaikan kepada lembaga dan seterusnya buapak yang menyampaikan kepada anak buahnya. Begitulah susunan pentadbiran yang dijalankan di zaman pemerintahan raja zaman dulu yang bertunjangkannya sistem demokrasi di mana rakyat memilih dan dipilih menurut salur-salur “adat yang telah diadatkan” dan “adat yang teradat”.

Raja tidak dibolehkan memerintahkan secara terus atau langsung kepada orang ramai begitu juga penghulu dan lembaga kerana yang punya anak buah itu adalah buapak. Tanggungjawab buapaklah yang menyampaikan sesuatu perintah kepada anak

buahnya menurut apa yang dikatakan "bertangga turun" itu. Begitu juga sebaliknya jika berlaku sesuatu perkara, katakan pergaduhan, perbalahan, kes jenayah dan sebagainya, maka ia tanggungjawab buapak menyelesaikan lebih dulu, jika tidak ada penyelesaian maka ia dirujuk kepada lembaga, begitulah seterusnya kepada penghulu jika sesuatu masalah tiada dapat dicari disembahkan kepada raja yang akan memutuskannya secara muktamad yang diungkapkan dengan kata-kata: 'pedang pemancung di tangan keadilan (raja)'. Demikian kebitaraan, dan kekreatifan kata-kata perbilangan adat dalam teromba dalam memperkasakan masyarakat terutamanya dalam lingkungan Adat Perpatih yang jelas mengamalkan sistem demokrasinya hingga ke hari ini.

Keindahan dan kebitaraan kata-kata adat dalam teromba juga ditujukan kepada anak muda dalam mencari ilmu dan harta benda. Ini bukan sahaja persediaan untuk hidup di dunia malah untuk akhirat jua. Umpamanya, kepada generasi muda ditanamkan sikap berusaha mencari ilmu dunia dan akhirat serta harta untuk persediaan masa depan seperti yang ditegaskan dalam teromba berikut;

*hari panas kok tak bertudung  
hari hujan kok tak berpayung  
hari gelap kok tak bersuluh  
jalan lenggang kok tak berkawan  
berhemat sebelum habis  
sediakan payung sebelum hujan*

Bagi yang merantau pula, dikehendaki kembali seperti dalam teromba berikut, "sekenyang-kenyang bunting, rumput dimamah jua, sejauh-jauh melanting, jatuh ke tanah jua".

## **KELUHURAN BUDI DALAM TEROMBA LAMBANG PEMERKASAAN MASYARAKAT BERADAT**

Kata-kata perbilangan adat dalam teromba juga jelas menunjukkan nilai-nilai murni seperti baik hati, bermurah hati dan mempunyai sifat perkongsian bagi memperkasakan masyarakat dalam lingkungannya umpamanya;

*jika mendapat sama laba  
kehilangan sama berugi  
yang ada dimakan bersama  
hati gajah sama dilapah*

*hati kuman sama dicecah  
banyak diberi berumpuk  
sedikit diberi bercecah*

Di samping itu ciri-ciri keluhuran dalam memperteguhkan hubungan baik sesama ahli anggota masyarakat jelas seperti yang diungkapkan, "seikat seperti sireh, serumpun seperti serai." Ini menggambarkan masyarakat adat perpatih amat menitikberatkan semangat perpaduan dan bersatu padu agar secara tidak langsung dapat mempertingkatkan daya pengeluaran ke arah pembangunan masyarakat dan negara seterusnya sama-sama mempertahankan negeri dan negara dari ancaman musuh.

Dalam aspek sosial, Adat Perpatih merupakan adat yang keseluruhannya menjadi teras kepada pergerakan masyarakat Melayu Negeri Sembilan. Oleh itu kebanyakan kata-kata perbilangan adat dalam teromba adalah bertujuan mengajar atau memberi pedoman kepada ahli-ahli masyarakat tentang cara hidup dan aturan bermasyarakat; sama ada tanggungjawab terhadap diri sendiri, keluarga, kelompok kekeluargaan dan masyarakat seterusnya. Contohnya sifat kerjasama dan tolak ansur dalam kehidupan harian yang merupakan asas bagi pembentukan tali silaturahim antara mereka.

*Duduk berpeleseran  
dekat rumah  
dekat kampung  
boleh pinta-meminta  
sakit pening jenguk menjenguk  
sejamban perulangan  
sehalaman sepermainan*

Dari sinilah wujudnya semangat kekitaan dalam masyarakat tersebut. Apabila sikap ini telah tertanam maka mudah pula mendapat kerjasama dalam segala pekerjaan yang memerlukan khidmat tenaga yang ramai seperti gotong-royong. Teromba juga merakamkan hal-ehwal yang mengangkat situasi yang perlu mempertahankan hak dan maruah keluarga, kelompok kekeluargaan, masyarakat dan bangsa. Umpamanya teromba berikut:

*adat bersaudara  
saudara dipertahankan  
adat berkampung*

*kampung dipertahankan  
adat bersuku  
suku dipertahankan  
adat bernegeri  
negeri dipertahankan  
adat berbangsa  
bangsa dipertahankan  
yang berat sama dipikul  
yang ringan sama dijinjing  
ke bukit sama didaki  
ke lurah sama dituruni  
yang ada sama dimakan  
yang tiada sama dicari  
seciap umpama ayam  
sedencing umpama besi  
sesusun bak sireh  
seharta sebenda  
sepandan seperkuburan  
sehina semalu  
malu seorang malu semua*

Keindahan kata-kata adat dalam teromba tersebut jelas memperlihatkan hidup masyarakat adalah saling bergantungan dan tiada individu yang boleh hidup berasingan atau bersendirian. Hubungan antara individu dalam masyarakat perlu rapat seperti sireh yang sesusun dan rimbun seperti serai agar tidak mudah diporak-perandakan oleh mana-mana pihak yang ingin mengambil kesempatan ke atas mereka. Setiap anggota masyarakat perlu bersatu dalam semua perkara dan diharapkan tidak melakukan sebarang perbuatan yang memalukan ahli-ahli lain kerana jika seseorang melakukan perkara sumbang, maka seluruh masyarakat akan mendapat malunya. Hubungan silaturahim perlu sentiasa dijaga dan dipupuk dengan cara;

*Jika khabar baik diberitahu  
Jika khabar buruk serentak didatangi  
Jika jauh ingat mengingat  
Jika dekat temu-menemui*

Teromba tersebut menjelaskan bahawa ahli masyarakat perlu menziarahi sesama mereka, tidak kira sama ada semasa senang maupun susah, jauh atau dekat. Hubungan yang erat perlu diwujudkan, dijaga dan dikenalkan. Rosli Saludin (2005:10) menyatakan sebuah teromba adalah sebuah dunia. Biarpun pada lahirnya sebuah teromba terdiri daripada huruf-huruf, kata-kata yang indah dan puitis tetapi pada hakikatnya ia mempunyai semacam daya hikmat yang dapat memberi kepuasan perasaan, fikiran dan jiwa yang membaca, mendengar atau menyampaikan teromba tersebut.

## **TEROMBA PANTANG LARANG DALAM KEHIDUPAN KEKELUARGAAN**

Pantang larang orang tua-tua bertujuan untuk mendidik masyarakat, khususnya generasi muda agar dapat membawa kepada penerapan nilai-nilai baik yang boleh diamalkan dalam kehidupan. Terdapat banyak unsur pengajaran sama ada secara tersurat maupun tersirat dalam pantang larang masyarakat Melayu tradisional. Pantang larang merupakan satu disiplin lisan yang diamalkan oleh sebahagian besar masyarakat Melayu khususnya pada masa lalu. Pengamalan pantang larang dalam kalangan masyarakat Melayu adalah secara zaman berzaman dan amalan ini masih lagi diamalkan walaupun semakin terhakis ditelan zaman. Kini golongan muda tidak lagi mengamalkan pantang larang yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional kerana mereka menganggap amalan pantang larang itu adalah kolot dan sepatutnya ditinggalkan. Orang-orang tua Melayu dahulu selalu mengingatkan anak cucunya supaya tidak melanggar pantang larang. Melanggar pantang larang samalah dengan tidak mendengar nasihat orang-orang tua. Pantang larang orang Melayu tradisional merupakan kepercayaan masyarakat Melayu zaman lampau berkaitan dengan adat dan budaya warisan nenek moyang. Kebanyakan pantang larang diturunkan secara lisan turun-temurun. Pantang larang orang tua-tua bertujuan untuk mendidik masyarakat, khususnya generasi muda agar dapat membawa kepada penerapan nilai-nilai baik yang boleh diamalkan di dalam kehidupan bukan sekadar untuk menakut-nakutkan mereka. Pantang larang ini ditujukan kepada semua peringkat manusia. Antara pantang larang itu adalah berkaitan dengan wanita yang hamil, bayi, kanak-kanak, kepada kaum perempuan dan juga ditujukan kepada kaum lelaki. Berikut contoh tegahan dalam bentuk teromba:

*Orang tua berkata*

*Jangan dilangkahi jangan*

*Usah dilakukan larangan*

*Ini kata orang tua*

*Tak patah tiek  
Tak pekung jingkek  
Kok tak berpadah  
Manalah semuanya itu ditegah  
Jangan oh jangan*

...

### **KEBITARAAN MENJAGA KEPERWIRAAN KAUM LELAKI**

Terdapat juga pantang larang dan kepercayaan untuk kaum lelaki seperti dilarang kencing di atas busut kerana dipercayai kemaluan mereka akan menjadi buruk. Sebenarnya, busut dipercayai menjadi tempat tinggal makhluk halus. Oleh itu, kepercayaan ini diamalkan supaya kaum lelaki berjaga-jaga agar tidak ‘ditegur’ oleh makhluk halus tersebut. Pemikiran yang dikaitkan dari sudut etikanya yang terdapat dalam kepercayaan yang diamalkan ini sebenarnya untuk mendidik manusia agar saling menghormati antara satu sama lain bukan sahaja sesama manusia tetapi juga dengan makhluk lain yang ada di muka bumi ini; sama ada yang boleh dilihat atau yang tidak dapat dilihat dengan mata kasar. Mereka juga dilarang bersiul di dalam rumah kerana dikhawatir rumah akan dimasuki ular; dilarang mengintai orang mandi kerana ditakuti mata akan mengalami ketumbit. Namun semua pantang larang dan tegahan adalah untuk mendidik dan memberi pengajaran supaya seorang lelaki itu berhemah dan berkelakuan yang sopan dan baik. Teromba berikut mengungkapkan tegahan:

...  
*Kencing atas api menyalा, panas baran  
Kencing atas busut kena badi  
Melangkahi kubur, payah kencing  
Kencing atas kubur, payah tidur*

...

### **KERASIONALAN DI SEBALIK TEGAHAN DAN PANTANG LARANG TERHADAP BAYI DAN KANAK-KANAK**

Untuk bayi pula, terdapat kepercayaan bahawa bayi tidak boleh dikatakan gemuk tetapi semangat kerana dikhawatir bayi tersebut akan menjadi kurus; tidak boleh memiciti mulutnya kerana ditakuti bayi tersebut hilang selera makan; sisa makanan bayi tidak boleh dimakan oleh ibu atau bapa kerana dipercayai bahawa apabila besar nanti

mereka akan melawan kata orang tua. Bayi juga tidak boleh dicium sewaktu sedang tidur terutamanya pada ubun-ubun dan pusatnya kerana dipercayai bahawa bayi tersebut akan pendek umur. Selain itu, jangan kejutkan bayi yang sedang tidur sambil tersenyum kerana mereka sedang bermain dengan uri mereka. Namun dari segi logik dan rasionalnya semua tegahan dan pantang larang ini adalah untuk memastikan pertumbuhan bayi sihat dan tidak banyak masalah. Golongan kanak-kanak juga tidak terlepas daripada pantang larang masyarakat Melayu. Antaranya ialah mereka dilarang menjelirkan lidah kerana lidah mereka akan dipotong. Jika mereka memakan kepala ikan, mereka akan menjadi bodoh. Selain itu, mereka dilarang mengangkat kaki semasa meniarap kerana dipercayai bahawa mereka akan mengundang kematian ibu mereka. Kanak-kanak juga dilarang menunjuk pelangi kerana jari mereka akan kudung, tidak boleh makan di dalam gelap kerana mereka dikatakan makan bersama hantu. Kanak-kanak juga tidak dibenarkan menggigit kain kerana ditakuti gigi mereka akan berulat. Mereka juga tidak dibenarkan makan hempedal ayam kerana dikhawatir akan mengalami kesulitan semasa hendak dikhatangkan. Semua pantang larang ini adalah bertujuan untuk mendidik kanak-kanak supaya berkelakuan baik dan bersopan santun. Teromba berikut ditujukan kepada kanak-kanak:

*Bersiul tengah malam, naik ular  
Tidur membawa remah mimpi rimau  
Keludahan orang tua mengudis mulut  
Kerobek-robek pepatung kudung jari  
Menunjuk pelangi kudung jari  
Suka meniarap lekas mati emak  
Main api hati gelap  
Mengutip barang cicir mata rabun  
Budak makan pedal ayam, liat sunat  
Budak makan kepada ayam, kuat tidur*

...

## **MEMELIHARA KETERTIBAN DAN KESOPANAN ANAK DARA**

Tugas memelihara menjadi tanggungjawab yang besar kepada sesebuah keluarga. Anak dara perlu sentiasa dilindungi dan dijaga kesuciannya. Kepercayaan bahawa anak dara yang gemar menyanyi di dapur akan berkahwin dengan orang tua juga masih lagi diamalkan. Sebenarnya, perbuatan ini dilarang kerana ditakuti nasi atau masakan

yang sedang dimasak akan hangus akibat leka menyanyi. Selain daripada itu, anak dara dilarang menjahit pakaian yang sedang dipakai kerana dipercayai bahawa mereka tidak akan terlepas daripada hutang. Anak gadis yang bangun lewat pula ditakuti akan lambat menemui jodohnya. Kerak nasi tidak boleh dimakan oleh anak gadis kerana masyarakat Melayu mempercayai bahawa anak yang akan dilahirkan akan menjadi hodoh. Selain daripada itu dilarang anak dara duduk di muka pintu kerana dikuatir tidak akan dipinang orang. Anak gadis yang makan berubah tempat juga dipercayai akan berkahwin dengan ramai lelaki. Jika seorang anak gadis itu makan sambil berbaring, dipercayai bahawa suami mereka akan menjadi seorang yang pemalas. Namun begitu, sebenarnya seorang anak gadis yang makan sambil berbaring tidak manis dipandang orang dari pemikiran logiknya makan sambil berbaring akan menyebabkan sistem perncernaan tidak berfungsi dengan baik dan susah untuk menghazamkan makanan. Teromba berikut mengungkapkan nasihat buat anak dara

...

*Makan remah mahal rezeki*

*Duduk di muka tangga susah laku*

*Menyanyi di dapur nikah dengan orang tua*

*Mandi tengah malam buncit perut*

*Menjerit di waktu senja diikut hantu*

*Kerat kuku malam hari cepat tangan*

## **KEKREATIFAN ORANG MELAYU DALAM MENGUNGKAPKAN PANTANG LARANG BERKAITAN DENGAN PADAH DAN ALAMAT**

Satu lagi cabang pantang larang adalah padah dan alamat. Padah membawa maksud alamat atau tanda. Menurut kepercayaan orang tua-tua, sesuatu kejadian atau perlakuan yang agak luar biasa atau jarang sekali berlaku, boleh mendatangkan alamat atau sesuatu perkara, sama ada baik atau sebaliknya. Padah dan alamat ini boleh dikaitkan dengan pemikiran kekreatifan orang Melayu dalam mengungkapkan kata-kata yang puitis berupa puisi tradisional seperti perumpaan, pantun, kata bidalan, teromba dan sebagainya. Umpamanya teromba berikut ada mengungkapkan tentang kebijaksanaan orang Melayu dalam melihat akan kebesaran ciptaan Tuhan, dan dari situ manusia harus berfikir mengenai padah dan alamat daripada ungkapan seperti berikut:

*Kalau hendak tahu tingginya gunung  
Tanyalah kepada burung enggang  
Kalau hendak tahu lebarnya padang  
Tanyalah kepada belalang*

*Kalau hendak tahu tebalnya hutan  
Tanyalah kepada pak belang  
Kalau hendak tahu dalamnya lubuk  
Tanyalah kepada memerang*

*Kalau hendak tahu lebarnya pantai  
Tanyalah kepada seluang  
Walaupun rumput mati terlapah  
Akarnya tak mahu tenggelam*

Mohamad Daud Mohamad (2007:325) menyatakan bangsa Melayu sebagai salah satu rumpun bangsa yang wujud sekitar 600 tahun yang lalu sudah tentu dilingkari oleh budaya dan kebudayaannya berupa ekosistem yang memupuk akal fikirannya. Kebudayaan itu bersusur-galur daripada kebudayaan animisme, Hindu, Islam, Barat dan sebagainya hanyalah proses humaniora kemelayuan berdasarkan perubahan zaman, evolusi masa, dan ilmu. Elemen yang juga menjadi landasan kebudayaan Melayu ialah proses humaniora kemelayuan yang ditentukan oleh tiga bentuk hubungan hakiki, iaitu hubungan dengan al-Khalil sesama manusia, dan alam sekitarnya baik makhluk hidup maupun benda mati. Sebagai contoh yang terdapat dalam puisi-puisi Melayu klasik umpamanya untuk mengenal pasti tanda dan alamat tentang jenis-jenis bencana dan bagaimana masyarakat Melayu menghindar bencana tersebut. Nuraini Yusoff dan Mohamad Azmi Ab. Rahman (2003:226) menyatakan antaranya ialah bencana alam seperti alamat musim tengkujuh dan kemarau. Dalam ungkapan tradisional Melayu Riau, dapat dilihat perlukisan yang jelas tentang bencana kemarau yang berlaku terhadap flora dan fauna di samping kesan kebuluran yang dialami manusia. Musim tengkujuh pula mengakibatkan kemusnahan sawah ladang dan juga rumahtangga.

*Pertama musim kemarau  
Apa tanda musim kemarau  
Matahari di atas bubun  
Rasa meleleh benak kepala*

*Kayu-kayan mati meranggas  
Tanah retak kering berdengkang  
Air setitik tak bersua  
...  
Bagi dituang dari pembuluh  
Kalau sungai limpah-limpahan  
Kalau tebing karam-karaman  
Limpahnya sampai ke sawah ladang  
Karamnya sampai ke rumah tangga*

Dalam ungkapan tradisional Melayu Riau tersebut, musim kemarau dikaitkan dengan kepanasan matahari yang terletak 'di atas bubun'. Deskripsi tentang alam sekitar yang kering-kontang merangkumi kayu-kayan, tanah, air, binatang dan kebun ladang. Kesan kemarau terhadap manusia dijelaskan dengan kalimat kebulurannya sampai ke rumah tangga. Deskripsi tentang musim tengkujuh pula begitu jelas dirakamkan kerana hujan dikatakan 'bagai di curah dari langit' yang menyebabkan 'sungai limpah-limpahan'. Bencana ini memberi kesan bukan sahaja sawah ladang malah membawa musibah dalam rumah tangga.

Perlakuan songsang pemimpin dalam institusi masyarakat adalah dianggap bencana kepada masyarakat berkenaan. Namun, di samping pemaparan bencana yang menimpa manusia, penyair menyelitkan usaha menghindar bencana supaya jangan mengambil pemimpin yang sedemikian untuk memerintah ataupun seorang pemimpin yang mahu menghindar daripada ditimpa bencana perlulah mengambil iktibar daripada perbilangan Melayu Riau berikut:

*Pemimpin:  
Kelima raja dibenci  
Yang mengambil anak bini orang  
Yang mengambil tunang-lanang orang  
Yang kuat patah-mematah  
Yang cerdik tipu-menipu  
Putih di luar hitam di dalam  
Satunya satu sepuluh  
Duanya dua seratus  
Banyak sentak dari sorong  
Banyak pintak dari beri*

Perbilangan tersebut menjurus kepada persoalan pemimpin hendaklah menjauhi perbuatan jahat dalam usahanya menghindar bencana, misalnya merampas isteri dan tunangan orang, menipu, menindas yang lemah, hipokrit, dan malas berusaha. Sekiranya pemimpin dapat menjauhi perbuatan jahat bukan sahaja bencana yang kelak menimpa diri pemimpin dapat dijauhi, sudah pasti juga rakyat tidak mengalami bencana akibat daripada perbuatan pemimpin. Selanjutnya sebagai contoh terdapat kata nasihat untuk menghindar bencana yang berkaitan dengan adat yang terakam dalam perbilangan berikut;

*Kalau lepas ke halaman orang  
Berkata dahulu agak sepatah  
Memberitahu orang di rumah  
Entah orang salah duduk  
Entah orang salah tegak  
Entah orang salah kain*

Ungkapan di atas menyarankan iaitu apabila menziarahi seseorang haruslah mengikut tatacaranya, iaitu 'berkata dahulu agak sepatah', agar kehadiran pengunjung diketahui dan dapat mengelak tuan rumah daripada mengalami rasa malu.

Dalam masyarakat Melayu aib dan malu merupakan satu bencana yang harus dihindari dan ianya berkaitan dengan pantang larang yang harus diikuti untuk mengelakkan daripada bencana tersebut. Tenas Effendy (1989) turut menjelaskan bahawa adat telah menetapkan tatacara untuk seseorang ke tepian (sungai atau kali):

*Kalau pergi ke tepian  
Dahulukan sampai  
Kemudian tiba  
Ranting di atas dipatahkan  
Tanah di bawah digoreskan  
Kalau timbul dakwa-dakwi  
Patah boleh ditengadah  
Gores boleh ditengkudau*

'Dahulu sampai, kemudian tiba' dengan kata lain sebelum seseorang sampai ke tepian, terlebih dahulu (dari jauh) ia harus memberitahu kedatangannya sebagai contoh

bersuara, berdehem, batuk-batuk atau berteriak. Seandainya tiada sahutan dari tepian barulah dibenarkan meneruskan perjalanan ke tepian. Kalau ada sahutan terutamanya daripada kaum perempuan, haruslah berhenti dan menunggu, sampai perempuan itu keluar. Ketentuan ini untuk menjaga jangan sampai ada perempuan yang sedang mandi dan sebagainya terserempak dalam keadaan pakaian yang kurang sopan, sehingga menimbulkan keaiban yang dianggap sebagai bencana dalam masyarakat Melayu. Pemikiran kekreatifan orang Melayu mengenai pantang larang ini jelas terakam dalam kata-kata indah bersifat talibun, pantun, perumpamaan, seloka, dan teromba. Perhatikan teromba pantang yang membawa pengajaran ini:

*Melambungkan kain dikejar anjing  
Berbau merah dihambat lembu  
Bersiul tengah malam naik ular  
Tidur membawa remah mimpi harimau  
Makan nasi dingin disengat penyegat  
Meludahkan orang tua mengudis mulut  
Merobek-robek pepatung kudung jari  
Menunjuk pelangi kudung tangan  
Melontar waktu senja kena mata hantu  
Kencing tengah jalan diikut asap*

...

## KESIMPULAN

Keindahan kata-kata perbilangan adat dalam teromba jelas menunjukkan kekreatifan penuturnya. Sebagai sejenis puisi tradisional yang bebas penuh pengertian dengan tidak mempunyai ikatan, bentuk dan struktur tertentu tidak hairanlah dalam masyarakat beradat boleh dikatakan dalam apa jua keadaan, pengamalnya yang mahir dan bitara dapat mengkiaskannya dalam bentuk teromba. Seperti yang telah diketahui teromba itu dalam penggunaan yang sebenarnya diwariskan turun-temurun, misalnya dalam majlis perbincangan yang beradat, istiadat meminang, nikah kahwin dan sebagainya. Teromba berfungsi sebagai memberi panduan, pendidikan dan membentuk atau membina masyarakat yang harmoni serta berjiwa luhur. Ia merupakan satu cara kawalan sosial yang telah dipersetujui bersama. Selain itu ia berfungsi untuk mengekalkan satu norma tertentu dalam masyarakat dan juga kepandaian atau kebijaksanaan sesuatu masyarakat tersebut. Masyarakat Minangkabau sebelum kedatangan Islam telah mempunyai peraturan yang

mengajar tentang pentingnya pemerkasaan diri dan masyarakat serta nilai kemanusiaan yang berbudi luhur, hormat-menghormati, cinta-mencintai, bantu-membantu, tolong-menolong dan mengamalkan semangat kerjasama yang erat. Sehubungan itu pelestarian warisan bangsa bukan merupakan obsesi untuk menghantar kembali masyarakat ke koridor sejarah masa lalu, tidak pula untuk menemukan masa silam, tetapi untuk menemukan identiti dirinya sendiri. Nilai budaya ketimuran warisan masa lalu yang dianggap luhur haruslah diteruskan dipelihara, termasuklah pantang larang. Ini kerana orang Melayu telah lama terkenal dengan sifatnya yang berhemah, berpekerti mulia, dan bersopan-santun. Mereka merupakan suatu bangsa yang beradab. Sehubungan itu masyarakat yang mengamalkan Adat Perpatih ini telah terbukti mempunyai satu sistem yang teratur dan terpimpin dalam mencapai kebaikan bersama. Di sinilah penyampai menerusi terombanya dapat menolong mencapai nilai dan pengertian hidup yang lebih bermakna kerana jiwanya yang sensitif dan pengamatannya yang lebih tajam dan halus. Penyampai sebenarnya sedikit sebanyak mampu menembusi tirai yang membatasi dunia yang kelihatan dengan mata kasar dengan dunia yang hanya dapat dilihat dengan mata hati. Oleh itu dapatlah dikatakan bahawa teromba melalui bahasanya yang indah dan berseni, memainkan peranan penting dan berfungsi sebagai media nasihat, penyampai mesej, sumber maklumat dan pendidikan yang menjurus kepada pemerkasaan diri serta masyarakat keseluruhannya.

## RUJUKAN

- A. Samad Idris, 1996. *Adat Perpatih Nilai dan Falsafahnya*. Negeri Sembilan: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian.
- Asmah Haji Omar, 1993. *Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Khalid Bonget, 2001. *Selayang Pandang Adat Perpatih di Negeri Sembilan*. Negeri Sembilan: Pejabat Kebudayaan dan Kesenian Negeri Sembilan.
- Mohd Rosli Saludin, 2005. *Teromba*. Negeri Sembilan: Jabatan Kebudayaan, Kesenian dan Warisan Negeri Sembilan.
- Mohd Rosli Saludin, 2007. *Puisi Melayu Tradisional*. Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Mohd Rosli Saludin, 2007. *Anjung Teromba*. Penang: Goal Intelligent Publishing Sdn. Bhd.
- Mohamad Daud Mohamad, 2007 "Bahasa dan Persuratan Melayu daripada Nazrah Kebudayaan Melayu" dlm. Mohamad Saleeh Rahamad ed. *Budaya Serumpun Mendepani Globalisasi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Norhalim Haji Ibrahim, 2003. *Teromba: Gambaran Adat Perpatih*. Seremban: Persatuan Penulis Negeri Sembilan.

Nuraini Yusoff dan Mohamad Azmi Ab. Rahman, 2003. *Puisi Klasik: Cerminan Pemikiran Alam Melayu dalam Menghindar Bencana*. UPSI 13 (11): 216-238.

Rahimah Abd. Aziz dan Mohamed Yusoff Ismail, 2000. *Masyarakat Budaya dan Perubahan*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Sapir, Edward, 1949. *Culture, Language and Personality: Selected Essays*. California: University of California Press.

Tenas Effendy, 1989. *Ungkapan Tradisional Melayu Riau*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Za'ba, 1934. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: DBP. Cetakan ketiga: 1965.